A

MUHAMMAD HAFIZ MUKRIMIN ABDULKEH
lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HAS ZANAH MEHAT HMR
AHMAD NASFY YASIN HMR
B HASHIM HAMZAH HMR
[RAYUAN JENAYAH NOS: W-05(M)-438-12-2020
& W-05(M)-439-12-2020]
7 MAC 2022

C

Abstrak – *Pertuduhan jenayah berkaitan najis dadah adalah satu pertuduhan yang teramat berat, yang melibatkan penghidupan dan nyawa seseorang tertuduh. Tersilap percaturan, tertuduh yang tidak bersalah akan ke tali gantung. Setiap aspek proses, bermula dari tangkapan hingga siasatan oleh pihak polis dan pertuduhan oleh pihak*
D *pendakwaan jenayah harus diteliti rapi dan tidak boleh dipandang enteng. Hakim bicara pula berperanan menghalusi setiap keterangan yang dikemukakan di hadapan beliau tanpa terlepas secebis pun untuk memastikan kes pendakwaan dibuktikan melampaui keraguan munasabah.*

E

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Pertuduhan pengedaran dadah berbahaya – Tertuduh disabitkan atas kesalahan dan dijatuhi hukuman mati – Sama ada tertuduh pembawa tidak bersalah – Sama ada hakim bicara meneliti dan mempertimbangkan keterangan-keterangan dan*
F *pembelaan yang dikemukakan di mahkamah – Sama ada hakim bicara terkhilaf dan tersalah arah dalam mencapai keputusan – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap perayu melampaui keraguan munasabah – Sama ada versi pembelaan berjaya mematahkan kes pendakwaan atas imbangan kebarangkalian – Sama ada sabitan dan hukuman yang dijatuhkan atas tertuduh*
G *selamat dan wajar dikekalkan – Sama ada campur tangan rayuan wajar – Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B(1)(a)*

Perayu dituduh di Mahkamah Tinggi atas dua pertuduhan mengedar dadah berbahaya, bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Fakta kes menunjukkan bahawa (i) Inspektor Wan Muhammad Fauzie ('SP5')
H bersama sepasukan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik telah pergi ke sebuah tempat letak kereta di Tesco Jalan Sentul, Kuala Lumpur setelah mendapat maklumat daripada orang ramai bahawa terdapat aktiviti pengedaran dadah di kawasan tersebut; (ii) maklumat turut menyatakan bahawa aktiviti pengedaran dadah dilakukan seorang lelaki
I berbangsa Melayu dengan menggunakan kereta Perodua MyVi ('kereta tersebut'); (iii) SP5 telah melihat seorang lelaki Melayu, yang kemudian dikenali sebagai perayu, yang memandu kereta tersebut dan memberhentikannya di kawasan tempat letak kereta di tempat kejadian;

(iv) selepas perayu keluar dari kereta tersebut, SP5 dan pasukannya telah menangkap perayu dan kemudian merampas kunci keretanya; (v) SP5 menjalankan pemeriksaan atas kereta tersebut dengan disaksikan perayu dan menjumpai satu beg galas hitam ('beg galas'); (vi) hasil pemeriksaan seterusnya mendapati beg galas tersebut mengandungi dadah berbahaya yang menjadi perkara matan dalam pertuduhan pertama. Turut dirampas di dalam beg galas tersebut adalah empat anak kunci dan sekeping kad bertulis 'Eco Sky' atas nama 'Muhammad Hafiz' dan sekeping kad akses bertulis 'B-32-03-1': (vii) perayu kemudian memandu arah SP5 dan pasukannya ke sebuah rumah dan setibanya di sana, SP5 dan pasukannya memasuki unit berkenaan; (viii) dengan dipandu arah oleh perayu, SP5 menjumpai satu beg plastik hitam dan di dalamnya dijumpai dadah berbahaya yang menjadi perkara matan dalam pertuduhan kedua. Hakim bicara mendapati bahawa terdapat satu kes *prima facie* terhadap perayu dan seterusnya memanggil perayu untuk membela diri atas kedua-dua pertuduhan yang dihadapinya. Perayu dalam keterangannya menyatakan bahawa (i) dia seorang pembawa tidak bersalah; (ii) dia bekerja sebagai pemandu dan penghantar barang dengan Grab dan, pada hari kejadian, perayu menerima panggilan telefon daripada seorang yang dikenalinya sebagai Pok Ya; (iii) Pok Ya meminta perayu menghantar barang kepada seorang yang bernama Mizanur ('SD2'); (iv) mereka berjumpa di sebuah restoran dan Pok Ya menyerahkan satu beg galas untuk diserahkan kepada SD2 dan satu beg plastik untuk perayu simpan dahulu di rumah. Menurut perayu, Pok Ya memberitahunya bahawa dia akan datang berjumpa perayu di rumah perayu untuk mengambil semula beg plastik tersebut; dan (v) perayu pulang terlebih dahulu ke rumahnya untuk menyimpan beg plastik tersebut dan selepas itu keluar berjumpa SD2 di tempat kejadian di mana dia kemudian ditangkap. SD2 dipanggil dan dia telah mengesahkan pembelaan yang perayu kemukakan. Menurut SD2, dia tidak pernah memberitahu perayu bahawa perayu akan membawa dadah. Antara dapatan-dapatan yang dibuat oleh hakim bicara adalah: (i) Pok Ya bukan orang sebenar dan hanya rekaan perayu semata-mata; (ii) pegawai penyiasat ('SP10') tidak mempunyai butiran untuk menjalankan siasatan lanjut terhadap Pok Ya; (iii) perayu bukan seorang yang menjalankan perkhidmatan penghantaran Grab kerana tiada keterangan di hadapan mahkamah bahawa perayu atau kereta tersebut berdaftar dengan pihak Grab; dan (iv) beg galas yang mengandungi dadah tersebut milik perayu kerana perayu mengakui bahawa kunci dan kad akses rumah yang dijumpai di dalamnya mengandungi dadah berbahaya dengan menandatangani borang bongkar. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap perayu untuk kedua-dua pertuduhan. Perayu didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhi hukuman mati untuk kedua-dua pertuduhan. Terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut, perayu memfailkan kedua-dua rayuan ini. Alasan utama yang dikemukakan oleh perayu dalam kedua-dua rayuan ini adalah berkaitan kegagalan hakim bicara untuk menilai keterangan dan versi pembelaan perayu.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Hashim Hamzah HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) SD2 telah ditangkap beberapa hari sebelum tarikh kejadian oleh SP5 sendiri. SD2 kemudian ditahan bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 kerana disyaki mengedar dadah berbahaya jenis Methamphetamine di kawasan tempat kejadian sejak bulan April 2018 hingga Julai 2018. Pihak pembelaan telah mengemukakan keterangan dokumentar iaitu laporan polis tangkapan SD2 dan perintah tahanan SD2. Kandungan laporan polis dan perintah tahanan SD2 berkaitan jenis dadah berbahaya, lokasi pengedaran dan tempoh masa pengedaran dadah adalah lebih kurang sama dengan fakta dalam kes ini dan tidak menolak kemungkinan bahawa tangkapan terhadap perayu didalangi oleh SP5 bersama SD2. Hakim bicara langsung tidak menyentuh berkenaan tentang laporan polis dan perintah tahanan SD2. Fakta ini disokong pula oleh keterangan SD2 yang mengesahkan bahawa dia diarah oleh SP5 untuk membuat pesanan dadah berbahaya daripada Pok Ya dan perayu, selaku pemandu Grab, diminta oleh Pok Ya untuk menghantar barang yang mengandungi dadah berbahaya tersebut kepada SD2. Keterangan SD2 ini tidak pernah dicabar sama sekali oleh Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') ketika pemeriksaan balas. Kegagalan hakim bicara untuk mempertimbangkan ekshibit-ekshibit ini, serta keterangan SD2, terjumlah kepada suatu salah arah yang mewajarkan campur tangan rayuan. (perenggan 36-41)

(2) Pendirian pihak pendakwaan berbeza-beza dan menimbulkan keraguan mengenai fakta sebenarnya yang menjurus pada tangkapan perayu. Pertama sekali, SP5 menyatakan sewaktu pemeriksaan utama bahawa SP5 telah menerima maklumat yang terperinci daripada orang awam tentang lokasi pengedaran dadah dan identiti pengedaran dadah tersebut. Sewaktu pemeriksaan balas, SP5 kekal dengan keterangannya ini. Keterangan ini disokong oleh keterangan SP10. Walau bagaimanapun, setelah perayu diarahkan membela diri dan memanggil SD2 memberi keterangan, pihak pendakwaan mengambil pendirian berbeza pula dengan mencadangkan bahawa SD2 merupakan pemberi maklumat kepada pihak polis melalui pemeriksaan balas. (perenggan 42-44)

(3) Pihak pembelaan telah memanggil SD2 sendiri untuk memberi keterangan di peringkat pembelaan. SD2 mengesahkan wujudnya penama Pok Ya. Keterangan SD2 tentang kewujudan dan peranan Pok Ya ini sama sekali tidak dicabar oleh pihak pendakwaan. SP10 mengesahkan bahawa ketika siasatan, perayu mengemukakan versi pembelaannya terutama sekali tentang panggilan yang diterima daripada Pok Ya. Sungguhpun begitu, SP10 mengakui bahawa dia tidak menjalankan siasatan terhadap Pok Ya. SP10 juga memberi keterangan bahawa dia ada melihat telefon bimbit perayu dan didapati bahawa tiada keterangan tentang pengedaran dadah dan, oleh itu, tidak membuat

siasatan lanjut. Di sisi lain, SP10 mengakui pula bahawa perayu ada menerima panggilan daripada Pok Ya. Sekiranya SP10 menjalankan siasatan yang menyeluruh dan mendapati bahawa sememangnya terdapat panggilan telefon daripada Pok Ya, sudah tentu nombor telefon Pok Ya yang tersimpan dalam rekod panggilan telefon perayu dapat dikesan untuk siasatan lanjut. Dapatan hakim bicara bahawa SP10 tidak mempunyai butiran untuk menjalankan siasatan lanjut terhadap Pok Ya, sedangkan kegagalan siasatan itu berpunca daripada SP10 sendiri, adalah satu salah arah yang mewajarkan campur tangan rayuan. Tambahan pula, telefon bimbit perayu tidak pernah dikemukakan oleh pihak pendakwaan sepanjang perbicaraan kes. (perenggan 47, 49, 50 & 51)

(4) Penama Pok Ya sememangnya wujud dan penama ini bukan rekaan semata-mata. Identiti sebenar Pok Ya adalah isu berasingan dan berkemungkinan dapat ditentukan jika siasatan dijalankan oleh SP10 secara menyeluruh. Daripada keterangan yang dikemukakan oleh perayu dan SD2, jelas bahawa Pok Ya pengedar dadah yang sebenar. Maka dapatan hakim bicara bahawa penama Pok Ya satu watak yang direka-reka adalah tidak berpandu pada keterangan sedia ada. (perenggan 47, 53, 54 & 57)

(5) Terdapat keterangan daripada saksi pendakwaan sendiri iaitu pemilik berdaftar kereta tersebut yang menyatakan kereta tersebut telah dipinjamkan kepada perayu untuk menjalankan perkhidmatan Grab. SP10 sendiri mengakui bahawa perayu menjalankan perkhidmatan Grab dan mengakui tidak membuat siasatan lanjut dengan pihak Grab. Tiada cubaan oleh TPR untuk mendapatkan penjelasan sewaktu pemeriksaan semula berkenaan keterangan SP2 dan SP10. Oleh itu, ini terjumlah pada satu pengakuan oleh pihak pendakwaan terhadap fakta yang dinyatakan. (perenggan 66, 69 & 71)

(6) Tindak-tanduk perayu yang tidak memeriksa kandungan beg galas dan beg plastik tersebut adalah munasabah, kecuali jika terdapat keterangan-keterangan lain yang mewujudkan syak wasangka sehingga mewajarkan perayu untuk menyemak kandungan beg galas dan beg plastik yang mengandungi dadah tersebut. Tiada keterangan sedemikian dalam kes ini. Selain itu, hakim bicara juga tersalah arah kerana penurunan tanda tangan dalam borang bongkar tidak terjumlah kepada apa-apa pengakuan mengenai tempat barang kes ditemui mahupun barang rampasan. Pembelaan perayu bahawa dia seorang pembawa tidak bersalah adalah bermerit. Pembelaan perayu bukan satu penafian semata-mata dan bukan satu fikiran terkemudian. Kes pembelaan telah dicadangkan dan diletakkan seawal kes pendakwaan dan keterangan telah dikemukakan di peringkat pembelaan untuk menyokong versi tersebut. (perenggan 73, 77, 78 & 79)

(7) Perayu perlu mematahkan anggapan ini bawah s. 37(d) Akta atas imbangan kebarangkalian. Beban perayu ini telah pun dilepaskan. Pihak pendakwaan gagal membuktikan kesnya terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Terdapat merit dalam kedua-dua rayuan perayu. Sabitan hakim bicara dalam kedua-dua kes tidak selamat. Oleh itu, sabitan dan hukuman diketepikan dan perayu dilepaskan dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan yang dihadapinya. (perenggan 81 & 82)

English *Headnotes*

The appellant was charged at the High Court with two counts of drug trafficking, an offence under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('Act'). The narrative of the case revealed that (i) Inspector Wan Muhammad Fauzie ('SP5'), together with his team of police officers from the Narcotics Crime Investigation Department, had proceeded to a car park located at Tesco Jalan Sentul, Kuala Lumpur following information received from the public regarding drug trafficking activities taking place at the said area; (ii) the information further revealed that it was carried out by a Malay male who drove a Perodua MyVi ('car'); (iii) SP5 saw a Malay male, later identified as the appellant, driving and parking the said car at the place of the incident; (iv) after the appellant alighted from the car, SP5 and his team arrested him and confiscated his car key; (v) a search conducted by SP5 on the car, and witnessed by the appellant, led to the discovery of a black backpack ('backpack'); (vi) further examination on the backpack unveiled the impugned drugs that formed the subject matter of the first charge. Also retrieved and confiscated from the backpack were four car keys, a card written with 'Eco Sky' under the name of 'Muhammad Hafiz', and an access card written with 'B-32-03-1'; (vii) the appellant then led SP5 and his team to a house, and upon their arrival, SP5 and his team proceeded to step inside; (viii) with the appellant as their guide, SP5 found a black plastic bag ('plastic bag') and, inside it, the impugned drugs that formed the subject matter of the second charge were found. The trial judge, in finding that a *prima facie* case against the appellant had been established, called upon the appellant to enter his defence for both charges. The appellant, in his defence, submitted that: (i) he was an 'innocent carrier'; (ii) he worked as a driver and a delivery man for Grab, and, on that fateful day, the appellant received a phone call from an individual known as 'Pok Ya'; (iii) Pok Ya requested the appellant to deliver for him a parcel to one 'Mizanur' ('SD2'); (iv) they met at a restaurant and, there, Pok Ya handed to the appellant a backpack to be delivered to SD2. It was also there that Pok Ya gave the appellant a plastic bag to be held by the appellant at the latter's house. According to the appellant, Pok Ya had informed him that he would come and meet the appellant later at the latter's house to retrieve the said plastic bag; and (v) the appellant headed home to keep the plastic bag and subsequently, he went to meet Pok Ya at the place of the incident where he was arrested. When called,

SD2 confirmed the appellant's defence to be true. According to SD2, he had never told the appellant that the appellant would be carrying drugs. Among the findings made by the trial judge were: (i) Pok Ya was not a real person and was a character created by the appellant; (ii) the investigating officer ('SP10') did not have the necessary details to carry out further investigation on Pok Ya; (iii) the appellant was not a person involved in Grab delivery service as there was no evidence to show that the appellant and the car were registered with Grab; (iv) the backpack containing the impugned drugs belonged to the appellant since he admitted to being the owner of the keys and the access card found inside it when he signed the seizure form. At the end of the defence case, the trial judge found that the prosecution had succeeded in proving its case beyond reasonable doubt against the appellant in respect of both charges. The appellant was found guilty, convicted, and sentenced to death for both charges. Aggrieved by the decision of the High Court, the appellant filed the present appeals. The main ground relied upon by the appellant in both appeals concerned the failure on the part of the trial judge to fully consider the evidence tendered and the defence's version of the facts submitted.

Held (allowing appeals)
Per Hashim Hamzah JCA delivering the judgment of the court:

(1) SD2 was arrested a few days before the date of the incident by SP5 himself. SD2 thereafter was detained under the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, following suspicions of involvement in drug-trafficking activities *ie*, methamphetamine at the place of incident between April 2018 and July 2018. The defence tendered documentary evidence, which was the SD2's police report regarding his arrest and order of detention. The contents of the police report and the order of detention, regarding the type of dangerous drugs, the location where drug-trafficking activities took place and the time period of the activities were almost identical with the facts of the case, hence, the possibility that the appellant's arrest was masterminded by SP5 and SD2 was undeniable. The trial judge had not at all touched on the police report and the arrest order. This was further supported by the evidence from SD2 who testified that he was instructed by SP5 to order the impugned drugs from Pok Ya, while the appellant as a Grab driver, was directed by Pok Ya to deliver the parcel containing the impugned drugs to SD2. This evidence by SD2 was never challenged by the Deputy Public Prosecutor ('DPP') during cross-examination. The failure of the trial judge to consider these exhibits and evidence by SD2 amounted to a misdirection that warranted appellate intervention.

(2) The prosecution's stances differed and this gave rise to doubt regarding the actual events leading to the appellant's arrest. Firstly, SP5 posited, during the examination-in-chief, that he had received detailed information regarding the location of the drug-trafficking activities and

A the identity of the individual involved in such activities from the public. During cross-examination, SP5 continued to maintain this line of evidence. This evidence was also supported by SP10. However, when the appellant was called to enter his defence, and SD2 was called to testify, during cross-examination, the prosecution's stance suddenly B took a different turn, by suggesting that SD2 was the informer for the police.

(3) The defence called SD2 to testify at the defence stage. SD2 confirmed the existence of Pok Ya. SD2's evidence on the existence and role of Pok Ya had not once been challenged by the prosecution. SP10 C confirmed that at the time of investigation, the appellant tendered his defence version primarily regarding the phone call received from Pok Ya. In spite of this, SP10 admitted to never carrying out any investigation on Pok Ya. SP10 also testified that he had seen the appellant's handphone, but, after finding that it did not provide any D evidence pertaining to drug trafficking, he did not conduct further investigation. However, on the other end, SP10 admitted that the appellant had received a phone call from Pok Ya. If SP10 did commence a full investigation and found there truly was a phone call from Pok Ya, his phone number would have been stored and would have been traceable from the appellant's handphone, thus, enabling further E investigation. The trial judge's finding, that SP10 did not have the details to conduct further investigation on Pok Ya was due to SP10's own fault, was a misdirection that warranted appellate intervention. Furthermore, the appellant's handphone was never exhibited by the prosecution throughout the trial.

F

(4) Pok Ya was not a fictitious character and not a concocted persona. His identity was a separate issue and would have been determinable had SP10 launched a thorough investigation on him. Based on the evidence advanced by the appellant and SD2, it was clear that Pok Ya was the G actual drug dealer in this case. Therefore, the trial court's finding that Pok Ya was a made-up person was not grounded on the available evidence.

(5) There was evidence by the prosecution witness itself, the registered owner of the car, that the car was loaned to the appellant for him to H provide Grab services. SP10 himself admitted that the appellant provided Grab services but he did not conduct further investigation with Grab. There was no effort by the DPP during re-examination to acquire any explanation regarding the evidence of SP2 and SP10. As such, this amounted to an admission by the prosecution of the facts stated.

I **(6)** The act of the appellant in not checking the contents of the backpack and the plastic bag was reasonable, unless, there was other evidence capable of raising the appellant's suspicion, hence, making it sensible for the

appellant to check on the contents of the backpack and plastic bag, which contained the impugned drugs. There was no such evidence in this case. Other than that, the trial judge had also misdirected by holding the signing of the seizure form did not amount to any admission regarding the exhibits of the case and the place they were found. The appellant's defence that he was an 'innocent carrier' was with merit. The defence was not a bare denial nor a mere afterthought. It had been suggested and submitted at the early stage of the prosecution's case and evidence had been submitted at the defence stage, to support the defence's version of the facts.

(7) The appellant was required to rebut the presumption under s. 37(d) of the Act on the balance of probabilities. The appellant's burden had been discharged. The prosecution failed to prove its case beyond reasonable doubt. There were merits in both appeals. The finding of conviction by the trial judge in both cases was not safe. The conviction and sentence were set aside, and the appellant was acquitted and discharged from both charges.

Kes-kes yang dirujuk:
Ahmad Najib Aris v. PP [2009] 2 CLJ 800 FC ***(dirujuk)***
Akliansyah v. PP [2014] 6 CLJ 1 CA ***(dirujuk)***
Hoh Bon Tong v. PP [2010] 5 CLJ 240 CA ***(dirujuk)***
Kenneth Fook Mun Lee v. PP [2006] 4 CLJ 359 FC ***(dirujuk)***
Lim San Muk v. PP [2019] 1 LNS 1762 CA ***(dirujuk)***
Low Kian Boon & Anor v. PP [2010] 5 CLJ 489 FC ***(dirujuk)***
Luke Nnaemeka Ugwu v. PP [2020] 4 CLJ 607 CA ***(dirujuk)***
Mohamad Deraman v. PP [2011] 3 CLJ 601 CA ***(dirujuk)***
Mohd Johi Said & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 389 CA ***(dirujuk)***
Munuswamy Sundar Raj v. PP [2016] 1 CLJ 357 FC ***(dirujuk)***
PP v. Azilah Hadri & Anor [2015] 1 CLJ 579 FC ***(dirujuk)***
PP v. Herlina Purnama Sari [2016] 1 LNS 1855 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Rahmani Ali Mohamad v. PP [2014] 7 CLJ 405 CA ***(dirujuk)***
Rasoul Bagherbejandi Ahmad v. PP & Another Appeal [2015] 1 LNS 772 CA ***(dirujuk)***
San Soo Ha v. PP [1967] 1 LNS 155 HC ***(dirujuk)***
Suhidar v. PP [2019] 1 LNS 801 CA ***(dirujuk)***
Tan Kim Ho & Anor v. PP [2009] 3 CLJ 236 FC ***(dirujuk)***
Yee Wen Chin v. PP & Another Appeal [2008] 6 CLJ 773 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), First Schedule

Bagi pihak perayu - N Sivananthan & Grace Nathan; T/n Sivananthan
Bagi pihak responden - Hanim Mohd Rashid; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Muhammad Hafiz Mukrimin Abdulkeh [2021] 1 LNS 52 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Lina E

A

PENGHAKIMAN

Hashim Hamzah HMR:

Pendahuluan

B **[1]** Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan di atas dua pertuduhan mengedar dadah berbahaya oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan dijatuhkan hukuman mati. Terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut, perayu telah memfailkan kedua-dua rayuan ini.

C **[2]** Pada 21 Oktober 2021 setelah mendengar hujah daripada kedua-dua pihak dan meneliti keseluruhan rekod rayuan, nota keterangan serta alasan penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar perbicaraan kes ini ("hakim bicara"), kami telah dengan sebulat suaranya membenarkan kedua-dua rayuan perayu dan selanjutnya melepaskan dan membebaskan perayu daripada kedua-dua pertuduhan tersebut. Ini adalah alasan kami dalam membenarkan kedua-dua rayuan ini.

D

Pertuduhan

[3] Dua pertuduhan yang dihadapi perayu adalah seperti berikut:

Pertuduhan Bagi Kes WA-45A-50-12-2018

E Bahawa kamu pada 23.7.2018 jam lebih kurang 7.50 malam bertempat di tempat letak kereta tidak berbumbung TESCO Extra, No 1081 Jalan Ipoh, di dalam Daerah Sentul, di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine berat 1206.3 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum F dibawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Pertuduhan Bagi Kes WA-45A-51-12-2018

Bahawa kamu pada 23.7.2018 jam lebih kurang 8.20 malam bertempat di premis B-32-03 Eco Sky, No 972 Jalan Ipoh, Batu 6 1A, di dalam Daerah Sentul, di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah mengedar G dadah berbahaya iaitu Methamphetamine berat 307.9 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Fakta Kes

H **[4]** Fakta kes ini telah dihuraikan oleh hakim bicara di dalam alasan penghakimannya. Kami telah merujuk kepada fakta kes yang telah dinyatakan di dalam alasan penghakiman tersebut dan telah membuat beberapa pengubahsuaian yang kami fikirkan perlu.

I **[5]** Pada 23 Julai 2018 jam lebih kurang 7.30 malam, Insp Wan Muhammad Fauzie bin Wan Daud ("SP5") bersama sepasukan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik ("JSJN"), Ibu Pejabat Polis Kontinjen ("IPK") Kuala Lumpur telah pergi ke sebuah tempat letak kereta

tidak berbumbung di TESCO Extra, No. 1081 Jalan Ipoh, Sentul, Kuala Lumpur setelah mendapat maklumat daripada orang awam bahawa terdapat aktiviti pengedaran dadah di kawasan tersebut. Maklumat turut menyatakan bahawa aktiviti pengedaran dadah itu dilakukan oleh seorang lelaki berbangsa Melayu dengan menggunakan kereta Perodua MyVi bewarna hitam bernombor pendaftaran JQB 1806 ("kereta tersebut").

[6] Pada jam lebih kurang 7.50 malam, SP5 telah melihat seorang lelaki Melayu, yang kemudiannya dikenali sebagai perayu, yang memandu kereta tersebut dan memberhentikannya di kawasan tempat letak kereta di tempat kejadian.

[7] Selepas perayu keluar dari kereta tersebut, SP5 dan pasukannya telah menangkap perayu dan kemudiannya telah merampas sebatang kunci kereta bersama satu alat penggera kereta ("P36") daripada genggaman tangan kanan perayu.

[8] Kemudiannya, dengan menggunakan kunci yang telah dirampas daripada perayu itu, SP5 telah membuat pemeriksaan ke atas kereta tersebut dengan disaksikan oleh perayu. Hasil daripada pemeriksaan yang telah dijalankan, SP5 telah menjumpai satu beg galas hitam bertulis "Under Armour" ("P32") yang terletak di atas kerusi bahagian penumpang hadapan kereta tersebut.

[9] Hasil pemeriksaan seterusnya mendapati di dalam beg galas tersebut mengandungi dadah berbahaya yang menjadi perkara matan ("subject matter") di dalam pertuduhan kes WA-45A-50-12-2018. Turut dirampas di dalam beg galas tersebut adalah empat batang anak kunci dan sekeping kad bertulis "Eco Sky" atas nama "Muhammad Hafiz, No. KP: 900207-11-5889" dan sekeping kad bertulis "B-32-03-1".

[10] Perayu telah kemudiannya memandu arah SP5 dan pasukannya ke sebuah rumah beralamat di Unit No: B-32-03, Eco Sky, No. 972, Jalan Ipoh, Batu 6¼, 68100 Kuala Lumpur. Setibanya di sana, pada jam lebih kurang 8.20 malam, SP5 dan pasukannya telah memasuki unit berkenaan dengan menggunakan kunci yang telah dirampas daripada perayu. Dengan dipandu arah oleh perayu, SP5 telah memasuki bilik kedua dan di dalam sebuah almari yang ditunjukkan oleh perayu, SP5 telah menjumpai satu beg plastik hitam bertulis "Thank You" ("P28"). Di dalam beg plastik hitam ini mengandungi dadah berbahaya yang menjadi perkara matan di dalam pertuduhan kes WA-45A-51-12-2018.

[11] Dadah tersebut telah dianalisis dan disahkan oleh ahli kimia ("SP1") sebagai dadah berbahaya seperti disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB 1952") untuk kedua-dua pertuduhan yang dihadapi tertuduh.

A **Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan**

[12] Bagi kes WA-45A-50-12-2018, hakim bicara mendapati bahawa perayu mempunyai kawalan terhadap dadah yang ditemui kerana beg galas yang mengandungi dadah tersebut dijumpai terletak di atas tempat duduk penumpang bersebelahan tempat duduk dan perayu pula pada masa itu
B memandu kereta tersebut seorang diri. Selain itu, turut dijumpai barang-barang seperti kunci rumah dan kad akses di atas nama perayu di dalam beg galas tersebut.

[13] Hakim bicara turut membuat dapatan bahawa perayu mempunyai
C pengetahuan berkaitan dadah berbahaya tersebut berdasarkan anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952.

[14] Hakim bicara seterusnya membuat dapatan bahawa perbuatan perayu membawa dadah tersebut dalam kuantiti yang banyak di dalam beg galas dari satu tempat ke satu tempat yang lain adalah terjumlah kepada perbuatan
D pengedaran sebagaimana ditakrifkan di bawah s. 2 ADB 1952.

[15] Bagi kes WA-45A-51-12-2018 pula, hakim bicara mendapati bahawa perayu mempunyai kawalan ke atas dadah tersebut kerana perayu merupakan penyewa tunggal unit kediaman No. B-32-03, Eco Sky tersebut. Perayu menyewa unit berkenaan sepuluh hari sebelum tarikh kejadian. Unit
E kediaman tersebut boleh diakses dengan menggunakan kunci yang dirampas dari perayu dan tiada penghuni lain di dalam unit kediaman berkenaan sewaktu pemeriksaan.

[16] Hakim bicara membuat dapatan bahawa perayu mempunyai pengetahuan ke atas dadah yang dijumpai memandangkan bahawa dadah
F tersebut dijumpai di dalam almari yang berada di dalam bilik kedua berdasarkan anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952.

[17] Hakim bicara seterusnya membuat dapatan bahawa perbuatan perayu menyimpan dadah tersebut di dalam almari berkenaan adalah terjumlah kepada perbuatan pengedaran sebagaimana ditakrifkan di bawah s. 2 ADB
G 1952.

[18] Berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang dinyatakan di atas, hakim bicara mendapati bahawa terdapat suatu kes *prima facie* terhadap perayu dan seterusnya memanggil perayu untuk membela diri ke atas kedua-dua
H pertuduhan yang dihadapinya.

Kes Pembelaan

[19] Perayu dalam keterangannya menyatakan bahawa perayu bekerja sebagai pemandu dan penghantar barang dengan Grab. Perayu menyatakan bahawa pada jam lebih kurang 5 petang hari kejadian, perayu telah menerima
I panggilan telefon daripada seorang yang dikenalinya sebagai "Pok Ya". Pok Ya telah meminta perayu untuk menghantar barang kepada Mizanur ("SD2"). Pok Ya juga telah meminta perayu untuk datang berjumpa dengannya di Restoran Pelita Hartamas.

[20] Pada jam 6.30 petang hari yang sama, perayu telah tiba di Restoran Pelita Hartamas dan berjumpa dengan Pok Ya. Di situ, Pok Ya telah menyerahkan satu beg galas hitam untuk diserahkan kepada SD2 dan satu beg plastik hitam untuk perayu simpan dahulu di rumah. Menurut perayu, Pok Ya memberitahunya bahawa dia akan datang untuk berjumpa perayu di Eco Sky untuk mengambil balik beg plastik tersebut. Perayu telah pulang terlebih dahulu ke rumahnya menyimpan beg plastik tersebut dan selepas itu telah keluar untuk berjumpa SD2 di tempat kejadian di mana perayu telah kemudiannya ditangkap.

[21] Perayu menafikan yang perayu mengetahui kandungan di dalam beg galas dan beg plastik yang mana dadah dijumpai di dalamnya. Perayu menyatakan yang perayu tidak pernah pada bila-bila masa membuka beg galas dan beg plastik tersebut untuk melihat kandungannya dan hanya membuat perkhidmatan serahan barang sebagai pemandu Grab.

[22] SD2 telah dipanggil untuk mengesahkan pembelaan perayu. SD2 menyatakan bahawa pada 23 Julai 2018 jam lebih kurang 2 petang, SP5 telah berjumpa dengan SD2 untuk sesi soal siasat di mana pada ketika itu SP5 telah mengarahkan SD2 yang pada ketika itu berada dalam tahanan untuk membuat satu pesanan daripada pembekal dadah yang bernama Pok Ya. SD2 telah menelefon Pok Ya pada jam lebih kurang 2.00 petang dan membuat pesanan dadah jenis syabu sebanyak 2 kilogram untuk dihantar ke Tesco Taman Wahyu iaitu ke tempat kejadian. SD2 menyatakan bahawa pada asalnya, Pok Ya keberatan kerana merasa dirinya diekori polis namun setelah didesak, Pok Ya bersetuju untuk membuat penghantaran dengan menggunakan khidmat Grab. Pok Ya memberitahu SD2 yang perayu akan menghantar barangan tersebut. SD2 mengenali perayu kerana pernah berjumpanya ketika keluar makan bersama Pok Ya sebelum kejadian. SD2 telah menghubungi perayu dan perayu menyatakan akan menghantar barangan Pok Ya kepadanya di tempat kejadian menaiki kereta MyVi hitam JQB 1806. SD2 menyatakan yang dia tidak pernah memberitahu perayu bahawa perayu akan membawa dadah.

Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pembelaan

[23] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap perayu untuk kedua-dua pertuduhan. Perayu telah didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhi hukuman mati untuk kedua-dua pertuduhan.

Prinsip Undang-Undang Berkaitan Rayuan Jenayah

[24] Di dalam sesuatu rayuan jenayah terhadap sabitan, adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa tanggungjawab mahkamah yang mendengar rayuan tersebut adalah untuk mempertimbangkan sama ada sabitan terhadap perayu adalah selamat.

[25] Mahkamah ini melalui penghakiman Gopal Sri Ram HMR (ketika itu) dalam kes *Mohd Johi Said & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 389; [2005] 5 MLJ 409 (MR) telah memutuskan seperti berikut:

> 12. Unlike civil appeals, where the appellant carries the burden of showing that the judge at first instance went wrong, in a criminal case the duty of the court is to consider whether the conviction is right. The correct approach is therefore not whether the decision is wrong but whether the conviction is safe. See *Mohammad Husain v. Emperor* AIR 1945 Nag 441; *Zahari bin Yeop Baai v. Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 160. That question, on the present facts, must receive a negative response.

[26] Lihat juga kes *Mohamad Deraman v. PP* [2011] 3 CLJ 601; [2011] 3 MLJ 289 (MR).

[27] Prinsip undang-undang juga adalah mapan bahawa mahkamah yang mendengar rayuan seharusnya tidak mengganggu dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara melainkan jika hakim bicara tersebut telah terkhilaf secara jelas dan nyata dalam penilaian fakta.

[28] Kami berpandu kepada prinsip yang telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tan Kim Ho & Anor v. PP* [2009] 3 CLJ 236 (MP) bila mana Zaki Tun Azmi KHN (ketika itu) dalam menyampaikan penghakiman mahkamah telah menyatakan seperti berikut:

> It is an established principle of law that when dealing with finding of facts, the trial judge is more often than not, in a better position to decide. The appellate court must be reluctant to interfere with such findings, unless the facts obviously disclose the courts below had clearly and wrongly evaluated the facts.

[29] Lihat juga kes *Kenneth Fook Mun Lee v. PP* [2006] 4 CLJ 359 (MP), *Low Kian Boon & Anor v. PP* [2010] 5 CLJ 489 (MP), *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 (MP), dan *Lim San Muk v. PP* [2019] 1 LNS 1762 (MR).

[30] Penting untuk dinyatakan bahawa mahkamah ini selaku mahkamah yang mendengar rayuan turut mempunyai budi bicara untuk mengkaji dan menilai semula kesemua keterangan yang telah dikemukakan sewaktu perbicaraan walaupun terdapat kekurangan mengenai dapatan-dapatan tertentu atau tanpa sebarang alasan dalam dapatan-dapatan tertentu yang dinyatakan di dalam alasan penghakiman hakim bicara. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ahmad Najib Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800; [2009] 2 MLJ 613 (MP) telah memutuskan seperti berikut;

> Tower Of Appellate Court To Review Or To Re-evaluate All Available Evidence
>
> [20] As regards the first main ground of appeal raised by the appellant, I am of the view that the Court of Appeal has the power to review or to re-evaluate all the evidence available as adduced by the prosecution. The Court of Appeal is in a position to do so in the present case even though

the grounds of decision of the trial judge as appearing in the appeal records is found lacking in specific findings and with no reasons for the findings. In a case involving purely a question of fact, the Court of Appeal is free to determine whether or not the various findings of the trial court are correct (see *Mohamed Mokhtar v. Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 122). In the present case even though the Court of Appeal took the view that the High Court judgment was of no assistance, it nevertheless had considered and subjected all the evidence adduced by the prosecution to a critical re-examination. The Court of Appeal had given sound reasons as to why the evidence was admitted and how it had implicated the appellant. There was no miscarriage of justice against the appellant as the Court of Appeal's decision was based on evidence adduced from the witnesses called by the prosecution as appearing in the appeal records. I am therefore of the view that the Court of Appeal did not err on this issue.

[31] Lihat juga kes *PP v. Azilah Hadri & Anor* [2015] 1 CLJ 579; [2015] 1 MLJ 617 (MP), dan *Rasoul Bagherbejandi Ahmad v. PP & Another Case* [2015] 1 LNS 772; [2016] 1 MLJ 272 (MR).

[32] Berpandu kepada kesemua yang dinyatakan di atas, kami telah mempertimbangkan keseluruhan isu-isu yang dibangkitkan dalam kedua-dua rayuan ini seperti di bawah.

Isu-lsu Yang Dibangkitkan Dalam Kedua-Dua Rayuan Ini

[33] Hujahan peguambela perayu yang terpelajar dalam kedua-dua rayuan ini adalah tertumpu kepada kekhilafan hakim bicara untuk mempertimbangkan:

(i) laporan tangkapan dan perintah tahanan terhadap SD2 yang menyokong versi pembelaan;

(ii) kegagalan pegawai penyiasat iaitu SP10 untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh;

(iii) bahawa pengetahuan, pemilikan dan kawalan terhadap dadah berbahaya tidak dibuktikan;

(iv) bahawa elemen pengedaran dadah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan anggapan tidak terguna pakai;

(v) perayu tidak menutup matanya dengan sengaja (wilfully blind) terhadap dadah berbahaya yang dijumpai;

(vi) penama Pok Ya bukanlah suatu watak yang diada-adakan (fictitious character);

(vii) pembelaan perayu tidak bersifat pemikiran terkemudian (afterthought) atau penafian kosong (bare deniaf); dan

(viii) keseluruhan keterangan SD2.

A **Dapatan Kami**

[34] Kami telah meneliti hujahan yang telah dikemukakan dalam kedua-dua rayuan ini. Kami berpendapat bahawa alasan utama yang dikemukakan oleh perayu dalam kedua-dua rayuan ini adalah berkenaan kegagalan hakim bicara untuk menilai keterangan dan versi pembelaan
B perayu.

[35] Versi pembelaan perayu telah diutarakan seawal kes pendakwaan lagi. Perayu menyatakan bahawa tangkapan terhadap perayu telah didalangi oleh SP5 bersama SD2 dan perayu hanyalah seorang pembawa yang tidak
C bersalah (innocent carrier).

Sama Ada Tangkapan Terhadap Perayu Telah Didalangi Oleh SP5 Dan SD2 Serta Peranan Pok Ya Dalam Kes Ini

[36] Berkenaan isu ini, peguam bela perayu yang terpelajar berhujah bahawa hakim bicara langsung tidak mermpertimbangkan keterangan
D dokumentari yang dikemukakan oleh pihak pembelaan iaitu laporan polis tangkapan SD2 ("eksh. D74") dan perintah tahanan SD2 di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316) ("eksh. D75") di dalam alasan penghakimannya. Kedua-dua ekshibit ini telah dikemukakan oleh pihak pembelaan sewaktu kes pendakwaan lagi dan
E telah pun dirujuk kepada saksi-saksi pendakwaan yang berkaitan.

[37] Setelah meneliti kedua-dua ekshibit ini, kami mendapati bahawa SD2 telah ditangkap beberapa hari sebelum tarikh kejadian oleh SP5 sendiri. SD2 telah kemudiannya ditahan di bawah Akta 316 kerana disyaki mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine di kawasan tempat kejadian sejak
F penghujung bulan April 2018 sehingga pertengahan bulan Julai 2018.

[38] Kami bersetuju dengan hujahan peguam bela perayu yang terpelajar bahawa kandungan di dalam eksh. D74 dan D75 berkaitan jenis dadah berbahaya, lokasi pengedaran dadah dan tempoh masa pengedaran dadah adalah lebih kurang sama dengan fakta dalam kes ini dan tidak menolak
G kemungkinan bahawa tangkapan terhadap perayu telah didalangi oleh SP5 bersama-sama SD2.

[39] Fakta ini disokong pula oleh keterangan SD2 sendiri ketika kes di peringkat pembelaan. SD2 mengesahkan bahawa SD2 telah diarahkan oleh
H SP5 ketika berada di dalam tahanan untuk membuat pesanan dadah berbahaya daripada Pok Ya, SD2 turut mengesahkan bahawa perayu selaku pemandu Grab telah diminta oleh Pok Ya untuk menghantar barang yang mengandungi dadah berbahaya tersebut kepada SD2.

[40] Adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa keterangan SD2 ini
I tidak pernah dicabar sama sekali oleh Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") yang terpelajar ketika pemeriksaan balas.

[41] Kami bersetuju dengan peguambela perayu yang terpelajar dan mendapati bahawa hakim bicara langsung tidak menyentuh berkenaan eksh. D74 dan D75 yang merupakan salah satu teras pembelaan perayu di dalam alasan penghakimannya. Pada hemat kami, kegagalan hakim bicara untuk mempertimbangkan ekshibit-ekshibit ini beserta keterangan dari SD2 sendiri terjumlah kepada suatu salah arah yang mewajarkan campurtangan rayuan di sini.

[42] Selain daripada itu, kami turut mendapati bahawa pendirian pihak pendakwaan mengenai isu ini adalah berbeza-beza dan menimbulkan keraguan mengenai apa fakta sebenarnya yang menjurus kepada tangkapan perayu.

[43] Pertama sekali, SP5 menyatakan sewaktu pemeriksaan utama bahawa SP5 telah menerima maklumat yang terperinci daripada orang awam mengenai lokasi pengedaran dadah dan identiti pengedar dadah tersebut. Sewaktu pemeriksaan balas, SP5 kekal dengan keterangannya bahawa maklumat tersebut diterima daripada orang awam yang tidak diketahui dan bukannya dari pemberi maklumat atau tangkapan oleh pihak polis. Keterangan ini disokong oleh keterangan SP10 menurut siasatannya.

[44] Walau bagaimanapun, setelah perayu diarahkan untuk membela diri dan memanggil SD2 untuk memberikan keterangan, pihak pendakwaan mengambil pendirian yang berbeza pula dengan mencadangkan bahawa SD2 merupakan pemberi maklumat kepada pihak polis melalui soalan pemeriksaan balas TPR yang terpelajar kepada SD2, salah satu contoh dapat dilihat seperti berikut:

TPR: Setuju saya katakan sebenarnya penglibatan kamu ini adalah sebagai pemberi maklumat sahaja berkenaan pengedaran dadah di Tesco Taman Wahyu?

SD2: Tak setuju Yang Arif, saya dipaksa untuk buat.

[45] Oleh itu, kami mendapati bahawa pendirian yang diambil oleh pihak pendakwaan ini adalah berbeza-beza dan ini sekaligus menimbulkan keraguan ke atas keseluruhan kes pendakwaan.

[46] Seterusnya, hakim bicara telah membuat dapatan bahawa Pok Ya bukanlah merupakan orang sebenar dan hanyalah rekaan perayu semata-mata. Petikan alasan penghakiman hakim bicara yang berkaitan adalah seperti berikut:

> [33] Kewujudan Pok Ya Sebagai Pemilik Beg Galas Hitam dan Beg Plastik Hitam Yang Mengandungi Dadah
>
> [a] Pembelaan OKT secara spesifik menyatakan telah dianiayai oleh Pok Ya apabila menyerahkan kepada OKT beg galas hitam yang mengandungi dadah untuk diberi kepada SD2, Berdasarkan pembelaan OKT, saya perlu menentukan sama ada Pok Ya ialah orang sebenar ("a real person") atau hanya rekaan OKT bagi tujuan

A melepaskan diri dari kedua-dua pertuduhan. Jika saya mendapati Pok Ya ialah orang sebenar, saya perlu memutuskan adakah beliau merupakan pengedar dadah yang sebenar dalam kes ini.

...

B [c] Saya telah menimbangkan pembelaan OKT dengan berhati-hati dan mendapati bahawa Pok Ya bukanlah orang yang sebenar (not a real person) dan adalah rekaan OKT (a mere fragment of the accused's imagination invented for the purpose of the trial) kerana sekiranya Pok Ya benar-benar wujud OKT sepatutnya menyalurkan maklumat lengkap seperti nama penuh, nombor telefon dan alamat terkini untuk menghubungi, kenalan keluarga Pok Ya dan Iain-lain maklumat yang memboleh pihak polis membolehkan siasatan lanjut dijalankan tetapi tidak berbuat demikian walaupun OKT dalam pembelaannya menyatakan Pok Ya adalah kawannya yang juga merupakan rakan sekampung yang sama-sama berasal dari Besut, Terengganu, seringkali berjumpa dan berhubung melalui telefon serta OKT sering menghantar barangan Pok Ya. Apa yang dikemukakan dalam pembelaan OKT hanyalah menyebut nama Pok Ya kepada SP10 tanpa butiran lengkap bagi membolehkan SP10 untuk membuat siasatan lanjut. Adalah menjadi satu prinsip yang mantap bahawa Notis *Alcontara* mesti mempunyai butir-butir lengkap dalam prospektif yang betul dan bukannya satu notis yang samar dan kabur yang bagi mematahkan penceritaan pihak pembelaan itu. (*Phiri Mailesi (Zambian) v. Public Prosecutor* [2013] 7 LNS 391; [2013] 5 MLJ 780. Dengan hanya menyebut nama Pok Ya kepada SP10 ianya tidak membentuk satu notis yang mencukupi kepada pihak pendakwaan mengikut keputusan dalam kes *Alcontara a/l Ambross Anthony v. Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209 kerana OKT tidak memberikan butiran lengkap tentang 'Pok Ya' baik oleh OKT sendiri mahupun oleh SD2. Saya mendapati tiada bukti yang menunjukkan kewujudan 'Pok Ya' yang disebutkan oleh OKT semasa membela diri. Pihak pembelaan juga tidak pernah mengemukakan apa apa keterangan sokongan yang menunjukkan kewujudan 'Pok Ya'.

G **[47]** Dalam kes ini, pihak pembelaan telah memanggil SD2 sendiri untuk memberikan keterangan di peringkat pembelaan, SD2 mengesahkan wujudnya penama Pok Ya. Keterangan SD2 mengenai kewujudan dan peranan Pok Ya ini tidak sama sekali dicabar oleh pihak pendakwaan. Maka dapatan hakim bicara bahawa penama ini merupakan suatu watak yang direka-reka adalah tidak berpandu kepada keterangan sedia ada.

H **[48]** hakim bicara juga telah gagal untuk mempertimbangkan bahawa SD2 tidak mempunyai sebab untuk menipu di mahkamah. Sewaktu pemeriksaan utama, SD2 menyatakan bahawa SD2 hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan mengenai apa sebenarnya yang berlaku. SD2 turut menyatakan bahawa SD2 tidak mendapat apa-apa faedah dengan memberikan keterangan tersebut kerana SD2 masih ditahan untuk kesalahannya. TPR yang terpelajar langsung tidak menyoal balas SD2 mengenai keterangan ini.

[49] Selain daripada keterangan SD2 di atas, fakta kes ini juga tidak tercabar bahawa telefon bimbit perayu yang dirampas sewaktu tangkapan telah diserahkan oleh SP5 kepada SP10 walaupun tiada sebarang catitan dibuat. SP10 mengesahkan bahawa ketika siasatan, perayu telah mengemukakan versi pembelaannya terutama sekali mengenai panggilan telefon yang diterima daripada Pok Ya.

[50] Sungguhpun begitu, SP10 mengakui bahawa SP10 tidak menjalankan siasatan terhadap Pok Ya. SP10 juga ada memberi keterangan bahawa SP10 ada melihat telefon bimbit perayu dan dapati tiada keterangan mengenai pengedaran dadah dan oleh itu tidak membuat siasatan ianjut. Di sisi yang lain, SP10 mengakui pula bahawa perayu ada menerima panggilan daripada Pok Ya pada tarikh tersebut. Berikut dapat dilihat:

PB: Ada apa-apa sebab puan tidak buat analisa telefon OKT?

SP10: Saya ada periksa telefon OKT dan lihat mesej, call tetapi tidak buat semakan lanjut dengan Cyber Security atau lain-lain.

PB: Saya cadangkan kalau semakan dibuat, OKT ada menerima panggilan dari Mizanur pada 23/07/2018 sebelum tangkapan?

SP10: Mungkin.

PB: Saya cadangkan ia OKT ada menerima panggilan daripada orang yang bernama Pok Ya pada tarikh tersebut?

SP10: Benar.

[51] Sekiranya SP10 menjalankan siasatan yang menyeluruh dan mendapati bahawa sememangnya terdapat panggilan telefon dari Pok Ya, sudah tentu nombor telefon Pok Ya yang tersimpan di dalam rekod panggilan telefon perayu dapat dikesan untuk siasatan lanjut. Jika berlaku sebaliknya, versi pembelaan boleh dipatahkan dengan mudah oleh pihak pendakwaan. Oleh itu, kami berpendapat bahawa dapatan hakim bicara bahawa SP10 tidak mempunyai butiran untuk menjalankan siasatan lanjut terhadap Pok Ya sedangkan kegagalan siasatan itu berpunca daripada SP10 sendiri adalah suatu salah arah yang mewajarkan campur tangan dalam rayuan di sini. Tambahan pula, telefon bimbit perayu ini tidak pernah dikemukakan oleh pihak pendakwaan sepanjang perbicaraan kes ini berlangsung.

[52] Dalam kes *Rahmani Ali Mohamad v. PP* [2014] 7 CLJ 405, mahkamah ini telah memutuskan seperti berikut:

> [15] Even more, *no investigation at all was carried out by PW8 to disprove the appellant's version of fact, particularly concerning Mohd Reza, which was given by the appellant at the earliest possible opportunity*. In this regard, *PW8 said that he did not investigate the appellant's handphone* because "saya terlepas pandang". PW8 also said, "saya tak periksa rekod-rekod panggilan keluar masuk OKT 2. *Jika disiasat mungkin boleh dapat maklumat lanjut". The appellant cannot be penalised for lack of ingenuity, negligence or inadvertence on the*

A *part of the investigator depriving him of the time honoured benefit of doubt* (see: *Pang Chee Meng v. PP* [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 CLJ (Rep) 265; [1992] 1 MLJ 137). The manner in which PW8 had conducted his investigations left many stones unturned and material gaps exists. Based on this omission, an inference in the appellant's favour ought therefore to have been drawn by learned High Court Judge at the close of the prosecution case
B (see: *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631 and *Alcontara Ambross Anthony v. Public Prosecutor* [1996] 1 CLJ 705; [1996] 1 MLJ 209).

[16] In our judgment, *the appellant's right to a fair trial has been compromised as a result of the failure of PW8 to carry out investigation to verify the appellant's version of fact.* The appellant may thereby have lost a chance which was
C fairly opened to him of being acquitted and that there had been occasioned a failure or a miscarriage of justice (see: *Mraz v. The Queen* [1955] 93 CLR 493 quoted with approval in *Lim Hock Boon v. PP* [2007] 4 CLJ 114; [2007] 1 MLJ 46). (penekanan ditambah)

[53] Oleh itu, kami berpendapat bahawa penama Pok Ya ini sememangnya
D wujud dan penama ini bukanlah rekaan perayu semata-mata. Identiti sebenar Pok Ya ini adalah isu yang berasingan dan berkemungkinan dapat ditentukan sekiranya siasatan dijalankan oleh SP10 secara menyeluruh.

[54] Daripada keterangan yang telah dikemukakan oleh perayu dan SD2, adalah jelas bahawa Pok Ya merupakan pengedar dadah yang sebenar dalam
E kes ini.

[55] Dalam kes *Yee Wen Chin v. PP & Another Appeal* [2008] 6 CLJ 773, Mahkamah Rayuan telah menyatakan seperti berikut:

[12] ... In the course of cross-examining the prosecution witnesses it was
F extracted from PW5 that the information he had received was that Woo Kok Meng was trafficking in drugs at the place in question. The defence quite properly took advantage of this fact to demonstrate that Woo was the real trafficker and that the accused was entirely innocent. The accused was clearly entitled to do this in view of the decision in *Mohamad Radhi v. Public Prosecutor* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC. That case
G is authority for the proposition that a person charged with trafficking is entitled to an acquittal on that charge by showing that he was a mere possessor of the drugs whilst another was the true trafficker. *Whenever such a defence is taken two separate exercises must be carried out by the trial judge. He must first determine as a fact whether that other is a real person or a mere figment of the accused's imagination invented for the purpose of the trial. Next, if he finds*
H *that other person to be real the judge must then determine whether that other person is the real trafficker. This is called the Radhi direction and must be administered by a court unto itself when such a defence is taken*. See, *Sochima Okoye v. Public Prosecutor* [1995] 3 CLJ 371 CA.

(penekanan ditambah)

I

[56] Mahkamah ini merujuk kepada *Akliansyah v. PP* [2014] 6 CLJ 1; [2014] 3 MLJ 392 di mana mahkamah ini telah memutuskan seperti berikut:

> [29] It was further submitted by the appellant's learned counsel that the prosecution in the instant case had failed to rebut the defence case that it was CKW who was the real trafficker. The appellant was an innocent carrier who had no knowledge about the drugs in the car boot. He was only told to pick up a bag from the car boot. Notice of such was given to SP2 as early as when the appellant was arrested and evidence was led during the cross-examination of SP2 on the arrest of this person. SP2 had admitted so.
>
> [30] The Federal Court in *Alcontara Ambross Anthony v. Public Prosecutor* [1996] 1 CLJ 705 at p. 709 had among others stated:
>
> > ... the onus was on the prosecution to check whether the appellant's version of the facts, as they appeared in his cautioned statement and to which we have referred, was true or false. In other words, the onus was upon the prosecution to disprove this important part of the appellant's version of the facts.
>
> (See also: *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649; [2000] 6 MLJ 705).
>
> [31] A similar sentiment was again expressed by the Federal Court speaking through James Foong FCJ in *Aedy Osman v. PP* [2011] 1 CLJ 273 at p. 283:
>
> > ... it is incumbent upon the prosecution to call evidence to rebut any claim which is relevant and material by the defence in the course of cross-examination of the prosecution witnesses than risking dismissal of its case for want of proof.
>
> [32] In *Aedy Osman*, the Federal Court also stated that *if there is evidence adduced to demonstrate that someone else rather than the accused was the real trafficker, then the trial judge should give due consideration to this before arriving at a decision to convict the accused*, citing *PP v. Iskandar Mohamad Yusof* [2006] 6 CLJ 379, *Chow Kok Keong v. PP* [1998] 2 CLJ 469 and *Yee Wen Chin v. PP & Another Appeal* [2008] 6 CLJ 773.
>
> (penekanan ditambah)

[57] Kami mendapati bahawa hakim bicara tidak mempertimbangkan dan meneliti keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pembelaan. Kami berpendapat bahawa hakim bicara tidak menjalankan penilaian maksima ke atas keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan dalam kes ini. Kami juga mendapati bahawa hakim bicara telah gagal untuk mempertimbangkan kewujudan pengedar dadah sebenar yang bernama Pok Ya yang merupakan teras pembelaan perayu.

Sama Ada Perayu Adalah Pembawa Yang Tidak Bersalah (Innocent Carrier)

[58] Dalam kes ini, perayu telah membangkitkan pembelaan bahawa perayu merupakan seorang pembawa yang tidak bersalah dan tiada pengetahuan mengenai dadah berbahaya yang telah ditemui oleh pihak polis.

[59] Berkenaan dengan pembelaan perayu ini, kami merujuk kepada kes *Munuswamy Sundar Raj v. PP* [2016] 1 CLJ 357; [2015] 6 MLJ 214 di mana Suriyadi Halim Omar HMP dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> A defence of innocent carrier refers to a state of affairs where an **accused person acknowledges carrying**, for example, a bag or a box as in the case before us, containing the dangerous drugs **but disputes having knowledge of the drugs**. Whether it will succeed or not would very much depend on the facts of each case.
>
> (penekanan ditambah)

[60] Mahkamah Persekutuan dalam kes di atas juga bersetuju dengan apa yang telah diputuskan oleh mahkamah ini dalam kes *Hoh Bon Tong v. PP* [2010] 5 CLJ 240 bahawa dalam menentukan pembelaan pembawa yang tidak bersalah, isu kebutaan sengaja (wilful blindness) juga perlu dipertimbangkan. Berikut adalah petikan alasan penghakiman mahkamah ini dalam kes *Hoh Bon Tong* (*supra*) yang berkaitan:

> **The defence of innocent carrier must necessarily bring into the picture the concept of wilful blindness**. And according to Yong Pung How CJ (Singapore) in *Public Prosecutor v. Hla Win* [1995] 2 SLR 424 (at p. 438), "the concept of wilful blindness qualifies the requirement of knowledge". And His Lordship continued further by saying (at the same page):
>
> > As Professor Glanville Williams aptly remarked in his *Texbook on Criminal Law*, at p. 125:
> >
> > > … the strict requirement of knowledge is qualified by the doctrine of wilful blindness. This is meant to deal with those whose philosophy is: 'Where ignorance is bliss, 'tis folly to be wise'. To argue away inconvenient truth is a human failing. **If a person deliberately 'shuts his eyes' to the obvious, because he 'doesn't want to know', he is taken to know'**.
>
> Continuing at the same page, His Lordship said:
>
> > In *Ubaka v. PP* [1995] 1 SLR 267, the principles laid down in *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356; [1968] 2 WLR 1303 and modified in *Tan Ah Tee v. PP* [1978] 1 LNS 193; [1980] 1 MLJ 49 were applied by the trial judge. In its grounds of judgment, this court quoted the following passage by the trial judge:
> >
> > > **Ignorance is a defence when there is no reason for suspicion and no right and opportunity of examination, and ignorance *simpliciter* is not enough.**
> >
> > (penekanan ditambah)

[61] Kami juga berpandu kepada kes *PP v. Herlina Purnama Sari* [2016] 1 LNS 1855; [2016] MLJU 1824 di mana Raus Sharif PMR dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai isu ini seperti mana berikut:

> [44] In our assessment, looking at the evidence in totality, the respondent could not exculpate herself from her involvement in the trafficking of the seized drugs by saying that she had no knowledge or that she was an 'innocent carrier' in this transaction'. *In our view, she could not be 'innocent' when she voluntarily agreed to hand over the boxes to a third party that she hardly knew in another country without enquiring further as to the contents of the said boxes*. The respondent, without any such inquiry, which she would have been reasonably expected to make in any event, had agreed to give the boxes to someone just as a favour for her friend Vivian. The respondent should have refused to carry out such an assignment if no satisfactory explanation as to their contents was forthcoming from Vivian whom she was in contact with. Her failure to do so makes her guilty of wilful blindness.
>
> [45] Wilful blindness necessarily entails an element of deliberate action. If the person concerned has a clear reason to be suspicious that something is amiss but then embarks on a deliberate decision not to make further inquiries in order to avoid confirming what the actual situation is, then such a decision is necessarily a deliberate one. *The key threshold element in the doctrine of wilful blindness itself is that of suspicion followed by (and coupled with) a deliberate decision not to make further investigations*. Whether the doctrine of wilful blindness should be applied to any particular case would be dependent on the relevant inferences to be drawn by the trial judge from all the facts and circumstances of the particular case, giving due weight, where necessary, to the credibility of the witnesses. (See *PP v. Tan Kok An* [1996] 2 CLJ 96; [1995] 4 MLRH 256).
>
> [46] The concept of 'wilful blindness' had been discussed in a number of local cases but it seems to have had its genesis in the dissenting judgment of Yong Pung How CJ (Singapore) in the case of *Public Prosecutor v. Hla Win* [1995] 2 SLR 424. The doctrine of 'wilful blindness' can be summarised to be applicable to a situation where the circumstances are such as to raise suspicion sufficient for a reasonable person to be put on inquiry as to the legitimacy of a particular transaction. *To put it another way, if the circumstances are such as to arouse suspicion, then it is incumbent on a person to make the necessary inquiries in order to satisfy himself as to the genuineness of what was informed to him*. Should he fail to embark upon this course of action, then he will be guilty of 'wilful blindness'. In other words, he is then taken to know the true situation. He then cannot be said to have either rebutted the presumption of knowledge or have raised a reasonable doubt as to his knowledge of the situation.
>
> [47] *Most of the cases where the concept was held to apply concerned cases in which the accused was asked to carry certain articles, or a package, or a bag, or to swallow certain items. In these circumstances, where the request to do any of those things*

A *mentioned would he such as would arouse the suspicion of a reasonable person as to the contents, it was upon the accused to make sufficient inquiries so as to dispel or to set straight such suspicions*. Should the accused not make any or any sufficient inquiries under those circumstances, the concept of wilful blindness would apply so as to fasten upon him or her the necessary knowledge as to the nature of those contents. In other words, if he
B deliberately 'shuts his eyes' to the obvious, because he 'doesn't want to know', he is taken to know.

(penekanan ditambah)

[62] Oleh itu, apa yang perlu dipertimbangkan oleh hakim bicara mengenai
C pembelaan perayu di sini adalah sama ada wujudnya suatu situasi yang menimbulkan syak wasangka namun perayu telah dengan sengaja membutakan matanya daripada menyiasat atau menentusahkan syak wasangka tersebut.

[63] Berkenaan pembelaan perayu ini, hakim bicara telah membuat
D dapatan bahawa perayu bukanlah seorang pembawa yang tidak bersalah dan telah dengan sengaja membutakan matanya terhadap isi kandungan beg galas dan beg plastik hitam yang mengandungi dadah berbahaya tersebut. Hakim bicara berpendapat bahawa pembelaan perayu merupakan suatu penafian kosong semata-mata dan suatu pemikiran terkemudian (afterthought).

E **[64]** Pertama sekali, hakim bicara telah membuat dapatan bahawa OKT bukanlah seorang yang menjalankan perkhidmatan penghantaran Grab kerana tiada keterangan di hadapan mahkamah bahawa perayu atau kereta tersebut adalah berdaftar dengan pihak Grab. Dapatan ini dapat dilihat daripada petikan alasan penghakiman hakim bicara seperti berikut:

F [c] *OKT menyatakan beliau tidak memeriksa kandungan beg galas hitam tersebut kerana sebagai pemandu Grab adalah tidak beretika untuk berbuat demikian. Tugasnya hanyalah untuk menghantar barang kepada pelanggan*. Menurut OKT tempahan penghantaran beg galas hitam oleh Pok Ya pada malam tersebut dibuat oleh OKT secara offline. Pada pendapat saya, sekiranya
G OKT menitik beratkan etika tidak memeriksa barangan pelanggan Grab, seawalnya beliau tidak sepatutnya membuat tempahan secara offline kerana perkara ini juga adalah tidak selari dan bercanggah dengan tatacara perkhidmatan Grab. *Sungguhpun OKT menegaskan beliau adalah pemandu Grab namun tiada bukti di hadapan Mahkamah yang menunjuk beliau atau kereta Myvinya telah didaftar dengan perkhidmatan Grab. Dengan ketiadaan bukti*
H *yang menunjukkan OKT adalah salah seorang pemandu Grab berdaftar dan perbuatannya yang tidak mematuhi prosedur perkhidmatan, maka saya berpendapat OKT sebenarnya bukan seorang yang menjalankan perkhidmatan penghantaran barangan pelanggan di bawah Grab*.

[d] Dalam dapatan saya, OKT sengaja menutup matanya kepada perkara
I yang mencurigakan untuk memeriksa isi kandungan beg galas hitam tersebut. Perbuatan OKT yang tidak berhati-hati dan memilih untuk tidak ingin ambil tahu adalah tergolong di bawah doktrin 'wilful blindness'.

(penekanan ditambah)

[65] Peguambela perayu yang terpelajar berhujah bahawa hakim bicara telah terkhilaf dalam mencapai dapatan tersebut kerana ia tidak berlandas kepada keterangan sedia ada di hadapan mahkamah. Kami bersetuju.

[66] Kami mendapati bahawa terdapat keterangan daripada saksi pendakwaan sendiri iaitu pemilik berdaftar kereta tersebut ("SP2") yang menyatakan kereta tersebut telah dipinjamkan kepada perayu untuk menjalankan perkhidmatan Grab. Berikut adalah dirujuk daripada nota keterangan:

TPR: Tadi Encik Shauqie maklumkan, OKT guna kereta. Bila Encik Shauqie beri kereta ini kepada OKT?

SP2: Saya beri kepada OKT pada November 2017.

TPR: Kenapa Encik Shauqie bagi kereta pada OKT?

SP2: Tujuan dia untuk OKT buat 'service grab'.

[67] Keterangan SP2 ini adalah konsisten walaupun semasa pemeriksaan balas. Berikut dapat dilihat daripada nota keterangan:

PB: Jadi di sini Encik Shauqie tahu bahawa OKT membuat kereta ini sebagai 'kereta grab'?

SP2: Ya, saya tahu.

[68] Malahan, sewaktu pemeriksaan balas pegawai penyiasat kes ("SP10"), SP10 menyatakan bahawa:

PB: Saya cadangkan, sebenarnya OKT ini adalah part time pemandu grab?

SP10: Saya tahu OKT adalah pemandu grab.

PB: Pemandu grab ini dia hantar barang dan macam-macam lagi, setuju?

SP10: Setuju.

PB: Peranan OKT dalam kes ini seperti itu iaitu dia hantar barang bagi pihak Pok Ya. Betul cerita itu?

SP10: Betul.

[69] Tambahan pula, SP10 sendiri mengakui bahawa perayu menjalankan perkhidmatan Grab. Malahan, SP10 turut mengakui bahawa SP10 tidak membuat siasatan lanjut dengan pihak Grab. Berikut boleh dilihat daripada nota keterangan:

PB: Setuju saya katakan dia memang membuat kerja grab?

SP10: Setuju.

PB: Puan sendiri tidak buat siasatan dengan syarikat grab itu?

SP10: Tidak ada.

[70] Mahkamah ini dalam kes *Akliansyah v. PP* [2014] 6 CLJ 1 telah memutuskan seperti berikut:

> [10] Throughout the prosecution's case, this defence of the appellant was put forward. Principally it was put to the prosecution to indicate that the appellant had no knowledge about the drugs. When SP2 was giving evidence during cross-examination, he agreed with the defence suggestion that the appellant had told him it was CKW who had requested him to collect the paper bag from the boot of the car. The learned trial judge however, in her decision stated that it was a mere suggestion from the defence and not evidence.
>
> [11] We agree with learned counsel that the learned trial judge had erred in so holding. **When SP2 agreed to the question posed to him during cross-examination, the answer given to the same is evidence**. In other words it was established through evidence from the prosecution itself that the appellant was told to pick the bag from the boot of the car by the said CKW.
>
> (penekanan ditambah)

[71] Kami telah meneliti keseluruhan nota keterangan dan mendapati bahawa tiada cubaan daripada TPR yang terpelajar untuk mendapatkan penjelasan sewaktu pemeriksaan semula berkenaan keterangan SP2 dan SP10 di atas. Oleh itu, kami berpendapat bahawa ianya terjumlah kepada suatu pengakuan oleh pihak pendakwaan terhadap fakta yang dinyatakan tersebut.

[72] Perayu menyatakan dalam keterangannya bahawa pada hari kejadian, permintaan yang dibuat oleh Pok Ya adalah secara luar talian (offline). Menurut perayu, penghantaran barangan secara luar talian ini dilakukan oleh perayu apabila melibatkan kawan-kawannya atau pelanggan-pelanggan tetap Grab yang mempunyai nombor telefonnya. Dalam mana-mana keadaan sekalipun, perayu menyatakan adalah tidak beretika selaku penghantar barang untuk perayu membuka dan melihat kandungan barang pelanggan yang dihantar olehnya.

[73] Pada hemat kami, tindak-tanduk perayu yang tidak memeriksa kandungan beg galas dan beg plastik adalah munasabah, melainkan terdapat keterangan-keterangan lain yang mewujudkan syak wasangka sehingga mewajarkan perayu untuk menyemak kandungan beg galas dan beg plastik hitam yang mengandungi dadah tersebut. Kami mendapati bahawa tiada keterangan sedemikian dalam kes ini.

[74] Kedua, hakim bicara telah membuat dapatan bahawa beg galas hitam yang mengandungi dadah berbahaya adalah milik perayu memandangkan perayu telah mengakui bahawa kunci dan kad akses rumah telah dijumpai di dalam beg galas yang mengandungi dadah berbahaya dengan menandatangani borang bongkar (eksh. P24). Petikan alasan penghakiman hakim bicara yang berkaitan dapat dilihat seperti berikut:

[f] Saya juga mendapati dengan penemuan kunci dan akses kad rumah OKT di dalam beg galas hitam menunjukkan beg galas hitam tersebut adalah kepunyaannya. Walaupun OKT menyatakan kunci tidak dijumpai di dalam beg galas hitam tersebut, tetapi borang bongkar (P24) menunjukkan kunci dan akses kad tersebut ditemui dalam beg galas hitam tersebut dan **ini diakui oleh OKT sendiri apabila beliau menurunkan tandatangannya di P24**. (penekanan ditambah)

[75] Berkenaan isu ini, kami bersetuju dengan apa yang telah diputuskan dalam kes *San Soo Ha v. PP* [1967] 1 LNS 155; [1968] 1 MLJ 34 (MT), seperti berikut:

The third ground of appeal is that the provisions of section 64 of the Criminal Procedure Code had not been complied with. *In my view, the provisions of the section are to be strictly followed to the extent it is possible to ensure that the incriminating articles obtained as a result of the search were recovered as alleged and leaves no room for doubt and to exclude the possibility of any concoction or malpractice of any kind*. This section bears some resemblance to section 103 of the Indian Criminal Procedure Code which is more exhaustive than ours. Conviction or acquittal of an accused person invariably depends upon the credibility of witnesses as assessed by the trial court and never on the question whether a particular legal procedure has been complied with. *The most that can be said about the failure to comply with the provision relating to search list is that it may cast doubt upon the bona fides of the parties conducting the search and accordingly afford ground for scrutiny*; but if after close scrutiny the court arrives at the conclusion that the stolen articles were recovered from the possession of the accused person, it is obviously no defence to say that the evidence was obtained in an irregular manner There is nothing in the law which makes such evidence inadmissible. (See *Bashir Emperor* AIR 1932 All 185; *Bhattacharjee Emperor* AIR 1940 Cal 85). In the present case the learned president had explored the evidence and came to the conclusion that the stolen articles were recovered from the possession of the appellant. I am therefore unable to see how the failure to prepare a search list by itself would entitle the appellant to an acquittal.

(penekanan ditambah)

[76] Mahkamah ini dalam kes *Suhidar v. PP* [2019] 1 LNS 801; [2019] MLJU 568 telah memutuskan:

[27] Learned counsel complaint was that the search list (P35) was prepared by PW4 and signed by the appellant when asked to do so. Therefore, **learned counsel argued that P35 cannot be accepted as an admission by the appellant that the exhibits listed therein to be in the appellant's possession**. Learned counsel submitted that it was highly prejudicial for the learned JC to draw an inference of guilt from the signature of the appellant on P35.

[28] **We agreed with the learned counsel that there is no law at all stating that an inference of guilt may be drawn from the signature of the appellant on the search list** ...

(penekanan ditambah)

[77] Kami mendapati bahawa hakim bicara telah tersalah arah kerana penurunan tandatangan di dalam borang bongkar tidak terjumlah kepada apa-apa pengakuan mengenai tempat barang kes ditemui mahupun pemilikan barang rampasan.

[78] Oleh itu, kami berpandangan bahawa pembelaan perayu bahawa perayu merupakan seorang 'innocent carrier' adalah bermerit. Kegagalan hakim bicara untuk meneiiti keterangan-keterangan di atas terjumlah kepada suatu salah arah yang mewajarkan campur tangan rayuan di sini.

Sama Ada Pembelaan Perayu Adalah Suatu Penafian Semata-Mata Dan Suatu Pemikiran Terkemudian

[79] Akhir sekali, kami tidak bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pembelaan perayu merupakan suatu penafian semata-mata dan pemikiran terkemudian. Kes pembelaan perayu telah dicadangkan dan diletakkan seawal kes pendakwaan dan keterangan telah dikemukakan di peringkat pembelaan bagi menyokong versi tersebut.

[80] Kami merujuk kepada keputusan mahkamah ini sebelum ini dalam kes *Luke Nnaemeka Ugwu v. PP* [2020] 4 CLJ 607 telah memutuskan:

> [27] Reverting to the instant case, we agreed with the appellant that the learned judge had failed to consider the defence of innocent carrier. *With respect, all that the learned judge found was that the version of the appellant was highly improbable and the defence of the appellant was a mere denial and an afterthought.*
>
> [28] *Now, this defence of innocent carrier, in our view, could not be an afterthought We noted that the case for the defence was put to the relevant witnesses and the record of appeal was replete with suggestions and challenges made to the witnesses on this particular defence. For example, the cross-examination of PW6 is illustrative* (at p. 19 appeal record, vol. 2):
>
> S: Setuju dengan kebolehan Bahasa Inggeris terhad, dia kata berikut "This bag, 'Uche' give me"?
>
> J: Saya tak ingat.
>
> [29] Similar challenges were also made to PW8 at pp. 29-30 and to the investigating officer (PW9) at p. 38 of the same appeal record. These witnesses had, however, denied the appellant ever telling them his version. However, when the appellant had reiterated these matters in his testimony on oath, the suggestions crystallised into evidence and the learned trial judge was duty-bound to consider the appellant's defence.
>
> [30] The facts and circumstances show, in our view, that the defence of innocent carrier was not an implausible one. Significantly, the factual matrix in the present case did not disclose any circumstances to raise suspicion for the appellant to be put on inquiry. There was nothing intrinsically sinister about Uche's request for the appellant to carry the bag and to pass the same to Oyebu, the appellant's housemate. The appellant had also inspected the bag and found it to be empty and unsuspicious.

It was also significant that the packages were ingeniously and cunningly concealed behind the panel covering the telescopic handle in the bag (exh. P34). This was readily conceded by the prosecution witnesses and noted by the learned judge.

(penekanan ditambah)

Kesimpulan

[81] Perlu diingatkan bahawa perayu dalam kes ini perlu mematahkan anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952 atas imbangan kebarangkalian. Kami berpendapat bahawa beban perayu ini telah pun dilepaskan berdasarkan kepada kesemua yang dinyatakan di atas. Akhirnya, kami berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesnya terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah.

[82] Oleh itu, kami mendapati bahawa terdapat merit dalam kedua-dua rayuan perayu di hadapan kami ini. Sabitan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam kedua-dua kes ini adalah tidak selamat. Oleh itu, sabitan dan hukuman diketepikan. Perayu dengan ini dilepaskan dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan yang dihadapinya.